

**TUNGKUS ASI SEBAGAI VARIASI LOKAL POLITIK PENANGUNAN DI
BATANG AI SEMASA PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK 2021**

***TUNGKUS ASI AS A LOCAL VARIATION OF PATRONAGE POLITICS IN
BATANG AI DURING THE 2021 SARAWAK STATE ELECTION***

Anthony Tutong* and Neilson Ilan Mersat

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak,
Malaysia

*Corresponding author: anthony_tutong@yahoo.com

Published online: 12 March 2024

To cite this article: Anthony Tutong and Neilson Ilan Mersat. 2024. *Tungkus asi* sebagai variasi lokal politik penaungan di Batang Ai semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021. *Kajian Malaysia* 42(Supp.1): 143–160. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.s1.8>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2024.42.s1.8>

ABSTRACT

This study explains the role of “tungkus asi” in strengthening the ruling party’s political power during the 2021 Sarawak State Election (SSE21) in Batang Ai. “Tungkus asi” is one of the local variations of patronage politics practised by the Iban at the grassroots level. During the 2016 Sarawak State Election “tungkus asi” played a role in the electoral victory of the candidate from Gabungan Parti Sarawak (GPS). In the SSE21, “tungkus asi” once again propelled the candidate from GPS to victory and thus strengthening the ruling party’s position in Batang Ai. This article looks at how “tungkus asi” was practised and its influence on the electoral support of the Iban towards the candidates. This article was based on a study conducted in Batang Ai which involved observation and interviews with the voters and “tuai rumah”. The study found that “tungkus asi” continued to play a prominent role in galvanising support from the voters. “Tungkus asi” remains relevant in the modern political era as it has become part and parcel of the political process and election among the Iban at the grassroots level. “Tungkus asi” not only consolidates GPS political power, but its practice also helps researchers and observers alike to understand the politics of patronage within the Iban voters.

Keywords: patronage politics, *tungkus asi*, reciprocal relationship, *ngukun*, Iban voters, grassroots

ABSTRAK

Kajian ini menjelaskan tentang peranan “tungkus asi” dalam mengukuhkan kuasa politik parti pemerintah semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 (PRNS 2021) di Batang Ai. Tungkus asi merupakan salah satu variasi lokal politik penaungan yang diamalkan oleh masyarakat Iban pada peringkat akar umbi. Semasa PRNS 2016, amalan tungkus asi ini telah membantu calon GPS untuk mencapai kemenangan dan seterusnya memperkukuhkan kuasa politik parti pemerintah di Batang Ai. Pada PRNS 2021, pemberian tungkus asi sekali lagi membantu parti pemerintah untuk mengekalkan kuasa politik di Batang Ai. Makalah ini melihat kepada pengamalan tungkus asi dan pengaruhnya terhadap sokongan yang diberikan oleh masyarakat Iban kepada calon yang bertanding. Makalah ini berdasarkan kajian yang dilakukan di Batang Ai semasa PRNS 2021 yang melibatkan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik serta temu bual dengan pengundi dan tuai rumah. Kajian mendapati bahawa tungkus asi masih lagi memainkan peranan penting dalam meraih sokongan pengundi. Tungkus asi juga mendapat tempat dalam era politik moden kerana amalan ini sudah menjadi sebahagian daripada proses politik dan pilihan raya masyarakat Iban pada peringkat akar umbi. Amalan tungkus asi bukan sekadar membantu mengukuhkan kuasa politik GPS di Batang Ai semasa PRNS 2021, bahkan turut membantu para pengkaji memahami berkenaan politik penaungan dalam kalangan pengundi Iban.

Kata kunci: politik penaungan, *tungkus asi*, timbal balas, *ngukun*, pengundi Iban, akar umbi

PENGENALAN

Sejak pilihan raya pertama yang diadakan pada 10 Mei 1969, Sarawak merupakan salah satu negeri yang masih belum berjaya ditawan oleh parti pembangkang, selain Pahang dan Perlis, dalam semua pilihan raya umum setakat ini. Hal sama juga berlaku semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 (PRNS 2021). Pada PRNS 2021 parti pemerintah iaitu Gabungan Parti Sarawak (GPS) telah mencatatkan kemenangan besar sejumlah 76 kerusi berbanding Democratic Action Party (DAP) yang memperoleh dua kerusi dan Parti Sarawak Bersatu (PSB) yang meraih empat kerusi. Parti-parti lain seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pula gagal meraih sebarang kerusi. Keputusan ini menunjukkan bahawa GPS berjaya meyakinkan pengundi bahawa parti tersebut berupaya untuk memerintah negeri Sarawak dengan baik. Begitu juga dengan keputusan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Ai, yang merupakan fokus

kajian ini. Pada PRNS 2021, Batang Ai menyaksikan pertembungan empat penjuvu yang membabitkan calon GPS iaitu Parti Bumi Kenyalang (PBK), PSB dan calon bebas. Calon yang diketengahkan oleh GPS ialah Malcolm Mussen Lamoh. PBK mencalonkan Usup Asun dan PSB pula mencalonkan William@Nyallau Badak manakala calon bebas ialah John Linang Mereejon. Dalam pertembungan empat penjuvu ini, GPS memperoleh 3,208 undi dengan majoriti 738 undi, PSB mendapat 1,366 undi, calon bebas mendapat 2,470 undi dan PBK mendapat 151 undi. Rentetan itu, kajian ini bertujuan untuk memaparkan pengaruh variasi lokal politik penaungan dalam bentuk *tungkus asi* bagi mengukuhkan kuasa politik parti pemerintah di kawasan pedalaman Batang Ai semasa PRNS 2021.

Kawasan Kajian: Batang Ai

Batang Ai mempunyai keluasan berjumlah 1,433 kilometer persegi serta terletak di kawasan pedalaman di wilayah selatan Sarawak. Sekitar 95% penduduk terdiri daripada masyarakat Iban yang tinggal bertaburan di 108 buah rumah panjang yang sebahagian besarnya hanya boleh dikunjungi dengan menaiki bot atau perahu panjang. Jumlah penduduk mengikut unjuran tahun 2010 ialah seramai 27,363 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Kawasan ini terletak di pedalaman selatan Sarawak, bersempadan dengan Provinsi Kalimantan Barat, Indonesia. Rajah 1 menunjukkan dari segi logistik kawasan pilihan raya, N.34 Batang Ai ialah salah satu daripada kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah kawasan Parlimen P.203 Lubok Antu. Terdapat 26 tempat mengundi atau Pusat Daerah Mengundi (PDM) di Batang Ai iaitu Sebangki, Lubok Antu, Skarok, Kesit I, Kesit II, Engkari, Delok, Kaong, Empit, Kumpang, Klampu, Sayat, Kutai, Mepi, Jela, Sempang, Beretik, Krangan Mong, Ensawang I, Ensawang II, Kachong, Patoh, Bilararap, Sepaya, Gugu dan Menyang.

KAJIAN LEPAS

Politik Penaungan

Menurut Bloch (1961) dan Hall (1974), konsep penaungan tercetus daripada persekitaran masyarakat tani pada zaman feodal di Eropah Barat. Golongan petani digambarkan sebagai hidup dalam kemiskinan dan hanya bergantung penuh kepada hasil pertanian mereka. Kehidupan mereka dikawal oleh sekumpulan individu berkuasa yang merupakan tuan tanah. Kumpulan ini menguasai pengeluaran ekonomi, berpengaruh dalam politik dan mempunyai status sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat tani serta dipandang amat tinggi oleh masyarakat miskin (Foster 1963; Hall 1974). Hubungan antara petani dengan

tuan tanah ini terserlah apabila masyarakat tani terpaksa meminta perlindungan keselamatan daripada ancaman atau musuh. Pada masa tersebut, masyarakat tani selalu menerima ancaman dan gangguan daripada musuh dan perompak. Bukan sekadar itu, masyarakat tani juga menghadapi masalah pengeluaran pertanian yang merudum dan tidak berdaya ekonomi. Keadaan ini menyebabkan masyarakat tani memerlukan bantuan daripada pihak yang berstatus ekonomi lebih tinggi iaitu kumpulan tuan tanah. Sebagai balasan kepada perlindungan dan bantuan yang diberikan oleh tuan tanah, petani-petani miskin ini akan mengerjakan tanah pertanian tuan tanah tersebut. Maka, hubungan penaung-dinaungi bermula di sini. Hubungan ini berkait rapat dengan kebergantungan kepada pihak yang lebih tinggi statusnya. Kesemua penjelasan tersebut merupakan takrifan penaungan dalam konteks antropologi yang menggambarkan bahawa penaung-dinaungi ialah hubungan timbal balas antara dua pihak yang tidak mempunyai status yang sama. Penaung-dinaungi ini saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Hal ini bermakna, konsep penaungan ini telah lama wujud dalam masyarakat di dunia seperti di Eropah, benua Afrika dan di rantau Asia seperti di Jepun. Inilah asas kepada konsep politik penaungan yang melibatkan timbal balas antara satu pihak dengan pihak yang lebih tinggi statusnya.




Rajah 1: Peta Batang Ai, Sarawak.
Sumber: Wikimedia Commons (2021).

Scott (1972) menjelaskan bahawa asas kepada istilah “penaungan” ini berasal daripada istilah *patron* dan *client* yang pada peringkat awal tertumpu di kawasan Laut Tengah Mediterranean dan Amerika Latin. Amalan ini juga wujud dalam kebanyakan budaya masyarakat setempat di kawasan pra-industri seperti di Eropah dan Asia Tenggara. Asas kepada hubungan ini ialah hubungan sosioekonomi antara individu dan hubungan ini adalah antara penaung-dinaungi yang juga merupakan hubungan timbal balas antara dua pihak.

Di Indonesia, kajian tentang politik penaungan ini dilakukan oleh Aspinall dan Sukmajati semasa Pemilihan Umum Indonesia (PEMILU) pada tahun 2014. Aspinall dan Sukmajati (2016) mendapati bahawa terdapat pelbagai istilah variasi lokal politik penaungan yang digunakan oleh calon-calon semasa pilihan raya seperti “serangan fajar” (*dawn attack*), “buah tangan” yang menjadi “minyak pelincir sosial” setiap kali calon berkempen dari rumah ke rumah, “pot bunga”, “Ongkus ke TPS” atau “uang lelah”, *vote buying* (pembelian undi), *club goods* (buah tangan) dan *pork barrel politics* (politik tong babi). Variasi ini adalah variasi lokal yang digunakan oleh calon-calon pilihan raya untuk mendapatkan sokongan politik semasa PEMILU Indonesia pada tahun 2014. Istilah variasi lokal dalam kajian Aspinall ini digunakan dan diadaptasi dalam kajian di Batang Ai untuk memperluas pengetahuan tentang variasi lokal politik penaungan pada peringkat akar umbi semasa pilihan raya di kawasan kajian.

Politik penaungan di Malaysia digambarkan sebagai pengagihan nikmat oleh ahli-ahli politik seperti dijelaskan oleh Gomez dan Jomo (1999) dalam Rajah 2. Menurut Gomez dan Jomo, politik penaungan merupakan istilah perlindungan yang merujuk kepada pengagihan nikmat oleh ahli politik pada peringkat tinggi yang akan menggunakan sumber negara seperti konsesi, izin pembiayaan kerajaan, kontrak dan projek yang diswastakan untuk membina rangkaian pelanggan yang kemudian membayar balik perbuatan berkenaan dengan membiayai kempen politik penaung tersebut. Gomez dan Jomo percaya bahawa dalam keadaan ini, kelompok yang dinaungi (pelanggan) diharapkan akan memberi sokongan politik kepada penaung. Justeru, tumpuan kajian penaungan ini lebih kepada hubungan pada peringkat atasan sahaja atau politik dalam kalangan pemimpin dan ahli korporat serta tidak menyentuh politik penaungan pada peringkat akar umbi.



Rajah 2: Politik penaungan di Malaysia.

Sumber: Gomez dan Jomo (1999, 190)

Penjelasan Gomez dan Jomo ini disokong oleh Mersat (2008) yang menyatakan bahawa politik penaungan adalah merujuk kepada tindakan orang yang berkuasa mengagihkan sumber-sumber negara dalam kalangan elit politik untuk mengekalkan kuasa mereka. Sumber-sumber kekayaan itu diagihkan dalam kalangan elit politik terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada rakyat. Penjelasan ini tidak sama dengan politik penaungan pada peringkat akar umbi yang lebih memperlihatkan hubungan timbal balas antara calon politik dengan pengundi setempat dan bukannya antara ahli politik dengan golongan korporat seperti yang dijelaskan oleh Gomez dan Jomo (1999).

Tambahan lagi, penaungan pada peringkat parti merupakan cara untuk memperkukuh parti dalam kalangan ahli parti dan meraih sokongan akar umbi dengan menggunakan jumlah wang yang banyak untuk menarik sokongan politik. Hal ini bertujuan untuk memastikan agar ikatan hubungan antara orang politik

dengan korporat berkekalan. Keadaan ini menggambarkan bahawa hubungan ini lebih kepada hubungan pada peringkat atasan sahaja iaitu bagi pihak yang berkuasa mengagihkan sumber dan ahli korporat. Situasi ini berbeza dengan politik penaungan pada peringkat akar umbi. Dalam konteks kajian ini, hubungan penaungan ini lebih kepada hubungan antara penaung iaitu calon yang bertanding terutamanya calon parti pemerintah yang mempunyai akses kepada sumber dan rakyat pula sebagai kelompok yang dinaungi. Hubungan yang merupakan timbal balas antara calon dengan rakyat yang mengundi ini seperti telah mengikat penaung dengan kelompok yang dinaungi.

Politik Penaungan dalam Konteks Masyarakat Iban di Luar Bandar

Politik penaungan dalam konteks masyarakat Iban di luar bandar merujuk kepada politik penaungan pada peringkat akar umbi iaitu merujuk kepada hubungan antara calon yang bertanding dengan pengundi-pengundi di sesebuah kawasan semasa pilihan raya. Dalam konteks ini, calon ialah penaung dan pengundi pula ialah kelompok yang dinaungi. Kajian dan tulisan tentang politik masyarakat Iban memang banyak dilakukan. Antara pengkaji yang menyetengahkan tentang politik penaungan semasa pilihan raya di Sarawak ialah Goldman (1997), Cooke (1999), Milne dan Ratnam (1974), Jayum (1994), Chin (1996), Aeria (1997) dan Mersat dan Sarok (1999). Kajian-kajian ini menjelaskan tentang suasana musim pilihan raya di Sarawak. Menurut Goldman (1997), suasana pada hari penamaan calon amat meriah seperti sebuah pesta. Calon-calun pilihan raya akan menyediakan makanan, pengangkutan dan penginapan kepada penyokong-penyokong penaung ini. Penyokong pula akan datang dari pelbagai pelusuk tempat terutamanya pada hari penamaan calon. Justeru, kenderaan perlu disediakan untuk para penyokong calon yang bertanding. Suasana yang meriah ini menggambarkan keadaan pilihan raya sama seperti Hari Gawai. Pada masa yang sama, calon-calun daripada parti kerajaan akan mengagihkan ganjaran pada peringkat akar umbi seperti *minor rural projects* (projek kecil luar bandar) atau dikenali sebagai MRP. Lantaran itu, pihak pembangkang beranggapan bahawa tindakan calon parti pemerintah mengagihkan MRP adalah sama seperti memberi “Panadol” (ubat tahan sakit) yang hanya menjadi ubat sementara. Keadaan ini menggambarkan bahawa MRP boleh digunakan sebagai penaungan pilihan raya untuk mendapatkan sokongan para pengundi (Aeria 1997, 60). Proses pilihan raya di Sarawak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi kerana kawasannya berselerak (Cooke 1999, 87; Milne dan Ratnam 1974, 205). Kos mobilisasi yang melibatkan proses menggerakkan penyokong-penyokong atau pengundi-pengundi ke pusat pengundian juga memakan belanja yang amat besar. Secara keseluruhannya, pengkaji-pengkaji politik Sarawak tersebut menggambarkan suasana kemeriahan pilihan raya di Sarawak (Milne dan Ratnam 1974; Leigh 1974; Chin 1996; Aeria 1997; Mersat dan Sarok 1999).

Politik penaungan di Sarawak ini disentuh oleh Milne dan Ratnam (1974), Roff (1974), Leigh (1974), Searle (1983), Jayum (1994) dan Tutong serta Mersat (2021, 143–156). Sarjana-sarjana tersebut beranggapan bahawa politik penaungan ini merupakan ciri utama dalam setiap pilihan raya di Sarawak serta merupakan elemen penting dalam konteks politik masyarakat Iban. Politik penaungan ini digambarkan sebagai ganjaran untuk mendapatkan sokongan politik masyarakat Iban. Analogi yang digunakan bagi menjelaskan tentang politik penaungan ini dalam masyarakat Iban terutamanya pada peringkat akar umbi adalah melalui *ngasu* iaitu kegiatan memburu binatang. Menurut Mersat (2008), penyokong-penyokong pemimpin Iban pada peringkat bawahan sering melihat bahawa penaungan yang diterima oleh pemimpin-pemimpin ini adalah kerana mereka sama-sama memburu maka mereka berhak mendapatkan habuan seperti konsesi balak, permit yang diluluskan, projek-projek kerajaan dan sebagainya. Dalam erti kata lain, sekiranya pemimpin ini menerima habuan, maka itu hak mereka dan pemimpin ini memang layak mendapatkan ganjaran kerana penat lelah membantu untuk memenangkan calon semasa kempen pilihan raya, terutamanya calon parti pemerintah. Bagi pemimpin lain atau penyokong lain yang tidak terlibat dalam membantu kempen pilihan raya calon, mereka tidak sepatutnya berasa iri hati dengan habuan yang diterima oleh kelompok ini kerana mereka tidak bersama-sama menyertai *ngasu* semasa pilihan raya. Kajian-kajian awal terhadap politik penaungan juga banyak mengaitkan politik penaungan dengan konsesi pembalakan di Sarawak. Cooke (1999, 85) menyatakan bahawa duit hasil daripada aktiviti pembalakan ini sebagai “talian hayat” bagi parti-parti politik yang wujud di negeri Sarawak. Pembahagian konsesi ini digunakan untuk mendapatkan sokongan politik daripada kumpulan etnik yang pelbagai dan merupakan sebahagian elemen politik penaungan di Sarawak.

Kajian yang dilakukan oleh Tutong dan Mersat (2021) semasa pilihan raya di Batang Ai mendapati terdapat satu variasi lokal politik penaungan iaitu istilah *tungkus asi*. Pada PRNS 2016, elemen ini menjadi salah satu faktor kemenangan calon Barisan Nasional (BN) di Batang Ai. Variasi ini mempunyai fungsi yang sama seperti dalam PEMILU (Aspinall dan Sukmajati 2016). Dalam PEMILU 2014, terdapat beberapa variasi lokal politik penaungan untuk menarik sokongan politik semasa pilihan raya. *Tungkus asi* bukan sahaja digunakan dalam mengukuhkan kuasa politik calon daripada parti pemerintah malah telah membantu untuk menguatkan dan mempertahankan kedudukan GPS semasa PRNS 2021 di Batang Ai. PRNS 2021 memperlihatkan sekali lagi variasi lokal *tungkus asi* dalam menjadi salah satu faktor kemenangan calon parti pemerintah seperti yang berlaku dalam PRNS 2016 di DUN Batang Ai. Dalam kajian pada PRNS 2021 ini, fokus adalah lebih kepada kepentingan variasi lokal politik penaungan iaitu *tungkus asi* semasa PRNS 2021 di Batang Ai.

Tungkus asi merupakan salah satu variasi lokal politik penaungan di Batang Ai. Istilah ini hanya dirungkai dalam kajian politik penaungan semasa PRNS 2016 di Batang Ai yang merupakan variasi lokal politik penaungan pada peringkat akar umbi dan hanya digunakan di Batang Ai. Variasi lokal politik penaungan di kawasan pengundian lain mungkin berbeza dengan kawasan Batang Ai tetapi mempunyai peranan yang sama iaitu untuk mendapatkan sokongan politik daripada pengundi-pengundi. *Tungkus asi* ini merujuk kepada wang pampasan atau ganti rugi kepada pengundi-pengundi khusus di Batang Ai semasa pilihan raya. Keunikan istilah amalan *tungkus asi* ini ialah istilah ini hanya digunakan dalam pilihan raya di Batang Ai untuk mendapatkan sokongan politik oleh calon yang bertanding. Pengundi-pengundi beranggapan bahawa *tungkus asi* telah menjadi sebahagian daripada adat masyarakat Iban, maka tidak salah untuk menerima *tungkus asi* Namun demikian, perkara ini bercanggah dengan Akta Pilihan Raya 1958.

Dalam penjelasan berdasarkan konteks budaya masyarakat Iban sebelum ini, *tungkus asi* terkandung dalam adat masyarakat Iban yang merujuk kepada pampasan dan ganti rugi kepada *tanah temuda*¹ yang diberikan kepada saudara mara yang tinggal di kampung. Perkara ini dinyatakan dalam buku *Adat Iban* (1993, 18):

Reti “tungkus asi”, nya bekal perarau. Adat tu dikena beganti ka temuda entara diri sekaban. Dulu kelia lebuah Iban agi bejarit pindah ngiga menua ngagai ai siti-siti, kaban-belayan iya ke tinggal mayar tungkus bekal iya ke berimba nya suba, lalu temuda nya empu iya.

[*Tungkus asi* adalah merujuk kepada bekas atau alat untuk menyimpan bekalan makanan. Adat ini digunakan untuk *pampas* atau ganti rugi kerana berlaku pemindahan hak milik *tanah temuda* antara saudara mara di rumah panjang. Saudara mara yang tinggal akan membayar ganti rugi *tungkus asi* yang telah digunakan oleh pemilik asal *temuda*.]

Dalam kajian variasi politik penaungan di Batang Ai, istilah ini digunakan oleh pasukan PDM iaitu jentera kempen pilihan raya untuk menggambarkan pemberian pampasan kepada pengundi-pengundi kerana pengundi keluar mengundi pada hari pilihan raya. Variasi ini mempunyai persamaan maksud dan fungsi dengan salah satu variasi politik penaungan di Indonesia semasa PEMILU 2014 iaitu *uang lelah*. Variasi politik penaungan *uang lelah* ini merujuk kepada ganti rugi atau bayaran kepada pengundi kerana kepenatan atau kepayahan pengundi untuk keluar mengundi pada hari mengundi (Aspinall dan Sukmajati 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menjelaskan tentang variasi lokal *tungkus asi* yang digunakan oleh calon pilihan raya di Batang Ai semasa PRNS 2021. Fokus kajian ini adalah untuk merungkai peranan variasi lokal politik penaungan *tungkus asi* semasa PRNS 2021 di Batang Ai. Dalam kajian yang dilakukan oleh Tutong dan Mersat (2021), kajian tentang amalan politik penaungan semasa PRNS 2016 hanya tertumpu secara umum berbanding dengan kajian semasa PRNS 2021 yang lebih fokus kepada elemen *tungkus asi*. Pemerhatian dan temu bual dengan informan terpilih menjadi kaedah utama dalam kajian ini. Pemilihan informan adalah secara persampelan bertujuan iaitu berdasarkan pertimbangan tertentu selaras dengan fokus kajian. Informan temu bual ini terdiri daripada mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan telah berdaftar sebagai pengundi di Batang Ai. Temu bual tidak berstruktur digunakan kerana kaedah ini amat sesuai di kawasan yang rendah kadar celik huruf seperti di kawasan kajian. Informan juga mempunyai lebih ruang untuk menjawab soalan-soalan berdasarkan pengalaman yang mereka lalui semasa pilihan raya di Batang Ai. Sejumlah 11 pemerhatian di lapangan telah dilakukan dengan memerhatikan tingkah laku sebelum, semasa dan selepas PRNS 2021. Bagi mendapatkan maklumat tersebut, pengkaji mencatatkan semua perkara yang berlaku semasa pemerhatian dalam buku catatan. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat tambahan daripada media alternatif seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan makalah jurnal.

HASIL KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa semasa PRNS 2021, pengaruh variasi lokal politik penaungan dalam bentuk *tungkus asi* masih digunakan lagi bagi memperkukuhkan penguasaan politik penaungan pada peringkat akar umbi di Batang Ai. Penggunaan variasi lokal politik penaungan *tungkus asi* ini dikesan semasa PRNS 2016 (Tutong dan Mersat 2021). Variasi lokal politik penaungan ini mempunyai peranan yang penting dalam membantu kemenangan calon GPS semasa PRNS 2016. Semasa PRNS 2021 di Batang Ai, variasi lokal ini digunakan secara menyeluruh dalam mendapatkan sokongan daripada pengundi-pengundi di kawasan kajian. *Tungkus asi* ini menjadi sebahagian daripada bentuk timbal balas dalam politik penaungan untuk mendapatkan sokongan politik semasa pilihan raya.

Menurut Tutong dan Mersat (2021), istilah *tungkus asi* ini merujuk kepada *pampas* dalam bahasa Iban, iaitu pampasan, ganti rugi, token atau sagu hati yang diberikan oleh calon-calon yang bertanding kepada pengundi-pengundi kerana meluahkan masa dan tenaga untuk keluar mengundi. Jumlah *pampas* ini bergantung kepada

lokasi asal pengundi yang balik mengundi. Namun, semasa agihan diberikan, jumlah ini tidak sama dengan jumlah seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat ketua-ketua PDM di Batang Ai. Uniknyanya tentang istilah *tungkus asi* ialah istilah ini merupakan sebahagian daripada adat tradisi masyarakat Iban yang terkandung dalam *Adat Iban* (1993, 18) dan istilah ini digunakan sebagai timbal balas antara penaung iaitu calon pilihan raya dengan pihak yang dinaungi iaitu pengundi-pengundi. Istilah *tungkus asi* bermaksud token atau sagu hati yang diberikan oleh calon-calon yang bertanding kepada pengundi-pengundi kerana meluangkan masa dan tenaga untuk keluar mengundi pada hari membuang undi semasa pilihan raya berlangsung. Hal ini bermakna, dalam perspektif masyarakat setempat di Batang Ai, *tungkus asi* bukan politik wang tetapi merupakan pampasan dan ganti rugi kepada pengundi kerana meluangkan masa untuk balik mengundi semasa pilihan raya walaupun mengundi itu ialah tanggungjawab sebagai warganegara. Keadaan ini menjadikan istilah variasi lokal ini unik.

Merujuk kepada Rajah 3 dan temu bual semasa PRNS 2021 di Batang Ai, pengundi dari kawasan Sri Aman/Betong/Saratok akan mendapat *pampas* sebanyak RM50. Pengundi dari Kuching/Sibu/Sarikei pula mendapat *pampas* sebanyak RM100 manakala pengundi dari kawasan Bintulu akan diberikan RM150. Pengundi dari Miri pula akan diberi *pampas* sebanyak RM200. Jumlah ini adalah berdasarkan persetujuan mesyuarat PDM bersama tuai-tuai rumah dan ketua-ketua komponen parti GPS di Lubok Antu. Jumlah *pampas* ini juga sama seperti jumlah *pampas* PRNS 2016 di Batang Ai. Walaupun demikian, jumlah agihan ini tidak sama di setiap PDM. Terdapat juga pengundi-pengundi yang tidak menerima *pampas* ini walaupun senarai nama penerima sudah diberikan kepada ketua PDM masing-masing sebelum pengundian berlangsung. Terdapat 26 PDM di Batang Ai. Setiap PDM ini dijaga oleh seorang ketua yang akan bertanggungjawab untuk menyelaraskan kempen, perbelanjaan kempen dan juga agihan *tungkus asi* kepada pengundi.

*PAMPAS NGUNDI
SEMINA MAYAR SEBUAH MOTO & TIKET BAS & TIKET BOAT EXPRESS ETC*

BIL	PENATAI ENDOR	PAMPAS RM
1	SRI AMAN/BETONG/SARATOK	50
2	KUCHING/SIBU/SARIKEI	100
3	BINTULU	150
4	MIRI	200

*PROPOSED RATES TO UDAH DILANGGUR LEBOH BERANDAU ROVING
TEAM LALU UDAH DISETUJU TUAI-TUAI MASYARAKAT*

Rajah 3: *Pampas ngundi (Tungkus asi)*

Sumber: Adaptasi Borang *pampas ngundi* semasa Mesyuarat Ketua-ketua Masyarakat Bersama Ketua Komponen GPS.

PERANAN *TUNGKUS ASI* DALAM PRNS 2021 N.34 BATANG AI

Tungkus Asi Sebagai *Pampas Ngundi* (Ganti Rugi Mengundi)

Penerimaan *tungkus asi* dianggap bukan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pilihan Raya 1958 kerana ia berfungsi sebagai pampasan dan ganti rugi kepada pengundi-pengundi yang keluar mengundi pada hari mengundi sama ada yang datang dari luar kawasan ataupun dari Lubok Antu sendiri. Pemberian *tungkus asi* ini sudah menjadi kebiasaan bagi calon-calon yang bertanding di DUN Batang Ai atau Parlimen Lubok Antu.

Tuai-tuai rumah akan diminta untuk menyenaraikan nama anak-anak buah di bawah jagaannya dan lokasi tempat mereka bekerja bagi membolehkan tukang wang (bendahari) PDM utama yang dilantik untuk mengagihkan jumlah *tungkus asi pampas kereta* berdasarkan maklumat yang diberikan sebelum hari mengundi. Isu timbul apabila jumlah *tungkus asi pampas kereta* yang diberi tidak seperti yang dipersetujui semasa mesyuarat tuai-tuai rumah dengan PDM. Pada hari pengundian, jumlah itu telah dikurangkan. Sebagai contoh, sekiranya pengundi itu datang dari Kuching maka jumlah *tungkus asi pampas kereta* yang sepatutnya diperoleh ialah RM100 tetapi mereka hanya diberikan sebanyak RM50 pada hari pengundian oleh tukang wang PDM yang telah dilantik. Situasi ini menimbulkan ketidakpuasan hati pengundi yang memaklumkan isu ini kepada tuai rumah.

Dalam temu bual dengan tuai-tuai rumah di sekitar Batang Ai semasa PRNS 2021, tuai-tuai rumah ini didapati sudah sedia maklum dengan pemberian *tungkus asi* ini. Lantaran itu, mereka dipertanggungjawabkan untuk memberi senarai nama anak-anak buah rumah panjang mereka. Kesemua sembilan orang tuai rumah yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka mengetahui dan pernah menerima serta mengamalkan *tungkus asi* pada setiap kali pilihan raya diadakan di DUN Batang Ai dan Parlimen Lubok Antu. Tuai Rumah Panjai Ruai Asal berkata (dalam bahasa Iban):

Selalu kami diberi orang duit tungkus asi. Duit tu dikena nganti hari kami ke limpang gawa ba umai enggau sawit. Tang enda tentu pemaioh. Bisi nya RM20, RM30 enggau bisi gak RM50. Nitih ka sapa ka ngatur magi duit.

[Kami selalu menerima duit tungkus asi. Duit ini digunakan sebagai ganti rugi kerana kami tidak dapat keluar bercucuk tanam dan memetik buah sawit. Tetapi tidaklah banyak mana sangat. Ada kalanya RM20, RM30 dan RM50, bergantung kepada mereka yang mengagihkan wang tersebut.]

Hal ini menunjukkan bahawa *tungkus asi* tetap dianggap sebagai pampasan dan bukan duit sogokan mengundi oleh pengundi-pengundi di Batang Ai. Semua pengundi menerima pemberian ini sebagai ganti rugi dan sagu hati untuk menggantikan kepenatan mereka keluar mengundi. Terpulang kepada pilihan masing-masing untuk mengundi parti yang dipilih.

***Tungkus Asi* Sebagai Keperluan Sosioekonomi**

Berdasarkan Akta Pilihan Raya 1958, menerima apa-apa jua bentuk wang semasa kempen pilihan raya akan dianggap melanggar akta tersebut. Sungguhpun begitu, pada peringkat akar umbi di Batang Ai, *tungkus asi* ini dianggap sebagai ganti rugi atau pampasan oleh penerima kerana penduduk setempat meluangkan masa dan tenaga keluar mengundi seterusnya menjadikan *tungkus asi* ini diterima sebagai “sesuatu yang salah tetapi boleh diterima” dalam politik penaungan semasa pilihan raya di Batang Ai. Penerimaan *tungkus asi* adalah atas faktor keperluan sosioekonomi masyarakat setempat. Pengundi-pengundi di Batang Ai yang kebanyakannya bekerja sebagai petani menanam padi, getah dan kelapa sawit sebagai mata pencarian. Mereka juga mengamalkan sistem pertanian pindah untuk penanaman padi. Aktiviti-aktiviti lain termasuklah menoreh getah, menanam kelapa sawit dan menangkap ikan pada hujung minggu di tasik empangan hidro Batang Ai. Kebanyakan pengundi terlibat dalam skim yang diusahakan oleh Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA) dan Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA). Mereka dibayar gaji sebanyak RM45 sehari namun sekiranya mereka tidak hadir bekerja pada hari tersebut, mereka tidak akan dibayar gaji kerana mereka dibayar secara harian.

Terdapat juga dalam kalangan mereka terlibat dengan aktiviti penternakan ikan dalam sangkar. Sangkar-sangkar tersebut dibina di tasik yang terletak di empangan hidroelektrik Batang Ai. Kerja-kerja penternakan ini dikendalikan oleh para penduduk yang menganggotai Persatuan Peladang Lubok Antu. Ikan-ikan ini akan dijual di pekan Lubok Antu pada harga RM12 sehingga RM15 per kilogram. Sekiranya mereka tidak dapat bekerja, mereka akan kehilangan sumber pendapatan. Oleh itu, pemberian *tungkus asi* semasa hari pengundian adalah penting kerana dapat menggantikan pendapatan mereka pada hari tersebut dan juga sebagai ganti rugi kerana pengundi tidak ke kebun atau melakukan pekerjaan lain pada hari tersebut. Justeru, politik *tungkus asi* ini dianggap sebagai sesuatu yang salah tetapi boleh diterima dalam politik penaungan semasa pilihan raya di Batang Ai kali ke-12.

Meringankan Beban Kos Keluar Mengundi

Tungkus asi dianggap sebagai sesuatu yang salah tetapi boleh diterima dalam politik penaungan semasa pilihan raya di Batang Ai adalah atas faktor kos keluar mengundi yang semakin meningkat terutamanya di kawasan pedalaman Sarawak. Terdapat 26 buah pusat membuang undi di Batang Ai semasa PRNS 2021. Kesemua pusat ini terletak di kawasan berhampiran dengan petempatan pengundi mengikut daerah yang telah ditetapkan. Bagi pengundi di Saluran 1, kos keluar mengundi ini tidak menjadi masalah kerana mereka adalah dari kawasan berdekatan dan menetap berhampiran dengan pusat mengundi. Namun, bagi pengundi di Saluran 2 yang melibatkan pengundi dari luar kawasan seperti Kuching, Serian, Sri Aman, Sibu, Bintulu dan Miri, kos untuk balik mengundi amatlah tinggi walaupun mereka menyedari bahawa mengundi adalah tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Di sinilah fungsi *tungkus asi* penting kerana pemberian ini berupaya untuk menggalakkan pengundi keluar mengundi. Dalam kata lain, pemberian *tungkus asi* mempunyai daya tarikan yang kuat dalam kalangan pengundi dari luar kawasan. Pemberian ini merupakan manfaat ketara yang tidak dapat ditolak walaupun pengundi sedar bahawa menerima wang semasa pilihan raya merupakan suatu kesalahan. Bagi mereka, *tungkus asi* merupakan *pampas* kerana keluar untuk mengundi calon pilihan masing-masing. Selain itu, menjadi suatu peluang kepada pengundi untuk merasai *tungkus asi* setiap kali menjelang musim pilihan raya.

Seorang pengundi di Saluran 2 dari Miri yang pulang mengundi berkata:

Tungkus asi RM200 ukai duit rasuah, tang pampas aku laban nganti pengelelak aku pulai ke menua ngundi. Kitak ukai enda nemu Miri ke Lubok Antu bisi 600 km. Sapa-sapa diundi aku nya sigi rahsia aku.

[Tungkus asi berjumlah RM200 bukanlah wang rasuah, tetapi adalah sebagai ganti rugi atas penat lelah [dan susah payah] saya balik mengundi di kawasan Parlimen Lubok Antu. Kalian bukan tidak tahu jarak dari Miri ke Lubok Antu ada kira-kira dalam 600 km. Namun begitu, undi saya ialah rahsia saya].

Seorang lagi pengundi berkata:

Nadai salah aku nerima duit pampas tungkus asi ari calon bertanding laban duit nya pampas ukai suap.

[Bukan satu kesalahan bagi saya untuk menerima bertanding kerana duit tersebut ialah pampasan dan bukan rasuah].

Tungkus Asi untuk Nunggu Malam

Dalam pemerhatian pengkaji, terdapat juga *tungkus asi* yang diberikan kepada penduduk yang terpaksa berjaga pada waktu malam (*nunggu malam*) sebelum hari membuang undi yang dikenali sebagai *ngukun*. Sebagai contoh, dalam pemerhatian yang dibuat di Rumah Panjang Tabau, Lubok Antu, penghuni telah mengadakan *ngukun* pada malam 17 Disember 2021 iaitu sehari sebelum proses pengundian pada 18 Disember. Tuai rumah telah diagihkan *tungkus asi* untuk *nunggu malam* pada pagi 17 Disember oleh ketua PDM masing-masing.

Pada malam 17 Disember, tuai rumah Rumah Panjang Tabau mengumpulkan seluruh penduduk rumah panjang untuk mengadakan aktiviti *nunggu malam* di ruai (ruang terbuka) rumah panjang. Anak-anak buah tuai rumah ini akan *begempuru* (berkumpul) tanpa mengira latar belakang sokongan parti. Tuai rumah hanya menghidangkan minuman panas seperti kopi dan teh serta makanan seperti biskut dan kuih. Tiada minuman keras yang dihidangkan pada malam tersebut. Kos menyediakan makanan dan minuman tersebut diberikan oleh calon-calon yang bertanding manakala duit *tungkus asi* Rumah Panjang Tabau berjumlah RM300. Tuai rumah menyatakan bahawa duit untuk menyediakan makanan dan minuman bagi *nunggu malam* diberi kepada beliau pada awal pagi 17 Disember oleh seorang agen PDM GPS yang menjaga kawasan PDM Tabau.

Setelah seluruh penduduk rumah panjang datang berkumpul di ruai tuai rumah, beliau terus memulakan ucapan aluan secara tidak formal. Tuai rumah meminta supaya penduduk rumah panjangnya yang sudah mendaftar sebagai pengundi untuk keluar mengundi dan berpesan supaya masyarakat tidak pergi ke mana-mana (dalam bahasa Iban, *anang limpang*). Beliau juga berpesan supaya masyarakat memilih mana-mana calon yang berupaya untuk membawa pembangunan kepada rumah panjang. Di samping memberikan maklumat berkenaan lokasi tempat mengundi, tuai rumah juga menerangkan tentang pengangkutan yang telah disediakan untuk membawa pengundi ke pusat-pusat pengundian yang ditetapkan iaitu di SRK Lubok Antu dan SMK Lubok Antu yang terletak kira-kira enam kilometer dari rumah panjang.

Uniknya tentang *nunggu malam* atau *ngukun* di rumah panjang semasa PRNS 2021 di Batang Ai ialah perkara ini tidak mendapat tentangan daripada masyarakat Iban malah mereka nampaknya bersungguh-sungguh menyertai sebarang kegiatan yang dianjurkan oleh tuai rumah termasuklah persiapan untuk mengundi yang memaksa mereka meninggalkan pekerjaan seharian.

***Tungkus Asi* Sebagai Komoditi Pertukaran**

Dalam konteks pilihan raya, *tungkus asi* merupakan komoditi pertukaran antara calon dengan pengundi-pengundi. Pemberian *pampas* memainkan peranan yang penting dalam setiap pilihan raya seperti di PRNS 2021 di Batang Ai ini. Mersat dan Sanggin (2011) mendapati bahawa semasa Pilihan Raya Kecil Batang Ai pada tahun 2009, pengundi akan lebih ramai keluar mengundi sekiranya mereka diberi sagu hati atau *pampas* oleh calon yang bertanding. Pemberian *pampas* seperti ini mempunyai daya tarikan yang kuat dalam kalangan pengundi untuk keluar mengundi. Walaupun terdapat Akta Pilihan Raya yang digubal untuk menghalang amalan ini tetapi masyarakat setempat masih menerima amalan ini kerana mereka beranggapan bahawa amalan ini sesuatu yang salah tetapi boleh diterima terutamanya semasa pilihan raya.

Pada PRNS 2021, pengundi menuntut *tungkus asi* di PDM yang telah dimaklumkan oleh parti-parti yang bertanding. PDM tersebut hanya meminta kad pengenalan diri sebagai bukti bahawa mereka ialah pengundi sah yang berdaftar di kawasan Batang Ai dan adakalanya terdapat pengundi-pengundi ini tidak membuang undi tetapi menuntut *tungkus asi* daripada PDM atau tuai rumah yang telah diamanahkan oleh parti-parti yang bertanding. Maka, terdapat agen-agen PDM meminta pengundi untuk menunjukkan jari yang telah dicelup dengan dakwat sebagai bukti bahawa mereka sudah mengundi. Menurut seorang tuai rumah di Kampung Kutai yang terletak berhampiran pasar Lubok Antu, ada anak-anak buahnya yang balik dari perantauan mengambil *tungkus asi* daripada beliau tetapi mengundi calon parti lain. Lantaran itu, PDM di Kampung Kutai dianggap sebagai kawasan hitam bagi calon BN-Parti Rakyat Sarawak (PRS) setiap kali pilihan raya sama ada untuk parlimen atau DUN.

Oleh itu, pemberian *tungkus asi* semasa PRNS 2021 di Batang Ai ini adalah sebagai *pampas* kenderaan atau *pampas* masa kepada pengundi-pengundi yang meluankan masa mengundi atau balik mengundi. Pemberian *tungkus asi* ini lebih kepada ganti rugi kepada pengundi-pengundi di kawasan Batang Ai namun pemberian ini tidak boleh dianggap sebagai duit suapan seperti variasi politik penaungan yang lain.

KESIMPULAN

Tungkus asi merupakan antara variasi lokal politik penaungan yang sangat penting kepada masyarakat Iban pada peringkat akar umbi khususnya di Batang Ai semasa PRNS 2021. Amalan pemberian *tungkus asi* ini memberikan satu gambaran jelas

bahawa unsur tradisi tetap dikekalkan dalam masyarakat setempat. Tradisi ini mempunyai tempat dalam era politik moden kerana peranan yang dimainkannya dalam proses politik dan pilihan raya masyarakat pada peringkat akar umbi. Tradisi ini sukar untuk dikikis kerana sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan sosial dan politik masyarakat Iban seperti yang dilihat berdasarkan amalan *pampas ngundi* dan *ngukun malam*. *Tungkus asi* juga berperanan dalam memenuhi keperluan sosioekonomi masyarakat Iban kerana ramai yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Makalah ini menunjukkan bahawa *tungkus asi* mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mengukuhkan kuasa politik GPS di Batang Ai semasa PRNS 2021. Dalam kata yang lain, *tungkus asi* masih lagi relevan dalam memahami konsep politik penaungan pada peringkat akar umbi masyarakat Iban.

NOTA

1. *Tanah temuda* merujuk kepada kawasan hutan yang telah diterokai dan ditanam padi huma. Setelah musim menuai selesai, tanah tersebut akan ditinggalkan oleh petani. Petani ini akan meneroka kawasan hutan baharu pada musim yang baharu. Kawasan lama tempat penanaman padi huma ini dikenali sebagai *tanah temuda*.
2. Perkara 10(a–e) dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1958 (Akta 19) menjelaskan hal yang dimaksudkan dengan menyogok pengundi dalam sesuatu pilihan raya.

RUJUKAN

- Adat Iban*. 1993. Kota Samarahan: Mahkamah Bumiputera Sarawak, Kerajaan Sarawak.
- Aeria, A. 1997. The politics of development and the 1996 Sarawak state elections. *Kajian Malaysia* 15(1/2): 57–83.
- Aspinall, E. and M. Sukmajati. 2016. *Electoral dynamics in Indonesia: Money politics, patronage and clientelism at the grassroots*. Singapore: NUS Press.
- Bloch, M. 1961. *Feudal society*. Chicago: University of Chicago Press.
- Chin, J. 1996. The 1991 Sarawak election: Continuity of ethnic politics. *South East Asia Research* 4(1): 23–40. <https://doi.org/10.1177/0967828X9600400103>
- Cooke, F.M. 1999. *The challenge of sustainable forests: Forest resource policy in Malaysia, 1970–1995*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Foster, G.M. 1963. The Dyadic contract in Tzintzuntzan, II: Patron-client relationship. *American Anthropologist* 65(6): 1280–1294. <https://doi.org/10.1525/aa.1963.65.6.02a00040>
- Goldman, M. 1997. Contemporary Chinese politics in Sarawak: A view from Kuching and Sibü. *Kajian Malaysia* 15(1–2): 84–147.
- Gomez, E.T. and K.S. Jomo. 1999. *Malaysia's political economy: Politics, patronage and profits*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Hall, A.L. 1974. Politics and patronage: Virginia's senators and the Roosevelt purges of 1938. *The Virginia Magazine of History and Biography* 82(3): 331–350.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Buku tahunan perangkaan Malaysia 2010. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jayum, A.J. 1994. *Iban politics and economic development*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Leigh, M. 1974. *The rising moon: Political change in Sarawak*. Sydney: Sydney University Press.
- Mersat, N.I. 2008. *Politik penaungan dan partisipasi politik peribumi Iban di Sarawak*. Sarawak: Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mersat, N.I. and A. Sarok. 1999. *Pilihanraya-pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sarawak*. Sarawak: Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mersat, N.I. and S.E. Sanggin. 2011. *Demokrasi di pinggiran*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Milne, R.S. and K.J. Ratnam. 1974. *Malaysia — New states in a new nation: Political development of Sarawak and Sabah in Malaysia*. London: Frank Cass & Co.
- Roff, M.C. 1974. *The politics of belonging: Political change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Scott, J.C. 1972. Patron-client politics and political change in Southeast Asia. *American Political Science Review* 66(1): 91–113.
- Searle, P. 1983. *Politics in Sarawak, 1970–1976: The Iban perspective*. Singapore: Oxford University Press.
- Tutong, A.A. and N.I. Mersat. 2021. Politik penaungan dalam pilihan raya di Sarawak: Kajian kes di DUN N.34 Batang Ai semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue* 18(10): 143–156.
- Wikimedia Commons. 2021. Sarawak map by districts. https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Sarawak_districts_map.svg